

ALIRAN MEDIA MENCETUSKAN PERKEMBANGAN POLITIK ISLAM DI MALAYSIA

Aminaton Hajariah Binti Husnu

Samsu Adabi Mamat

Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM
Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Abstrak

Kajian ini dijalankan dengan tujuan mengenalpasti penggunaan media baru untuk tujuan kempen politik terutamanya yang berkaitan dengan keislaman, menyenaraikan laman-laman berkaitan dengan politik Islam di Malaysia, mengenalpasti sejauh mana isu-isu politik Islam di Malaysia wujud dalam blog-blog, website-website dan sebagainya di media baru, dan menjelaskan media baru sebagai medan politik Islam dengan melihat pandangan berbeza yang dikemukakan di setiap blog, website dan lain-lain media baru. Islam adalah amat penting dalam sistem politik sesebuah negara. Tanpa Islam, pentadbiran politik akan tersasar jauh dari landasan yang betul. Apabila melihat kepada sesebuah negara Islam, maka pentadbiran adalah amat penting kerana ia merupakan salah satu matlamat utama politik di dalam Islam. Jika dikaitkan pula dengan media, politik Islam dan media adalah sukar untuk dipisahkan. Ini kerana segala maklumat boleh diperolehi dengan mudah dan cepat melalui media baru yang semakin berkembang pesat. Segala maklumat yang ingin disampaikan dapat diperolehi di dalam media melalui perbincangan daripada idea-idea dan kupasan isu-isu yang ingin disampaikan oleh pemilik-pemilik media baru itu sendiri. Contohnya apabila sesuatu perkembangan sama ada ekonomi, sosial mahupun politik khususnya dihebohkan melalui facebook yang membincangkan berkaitan isu politik Islam, maka rakan-rakan facebook akan memberikan pandangan dan pendapat masing-masing berhubung dengan status yang telah diutarakan oleh pemilik media tersebut.

Kata Kunci : Facebook, Politik Islam, Blog-blog, Website

Abstract

The study was conducted with the aim of identifying the use of new media for political campaign purposes, especially with regard to Islam, lists sites related to political Islam in Malaysia, identify the extent to which issues of political Islam in Malaysia exists in blogs, websites and so in the new media, and new media as a platform to explain political Islam by seeing different views expressed in any blog, website and other new media. Islam is particularly important in a country's political system. Without Islam, the political administration will stray far from the track. When viewed on an Islamic state, the administration is so important because it is one of the main goals of political Islam. If linked with the media, political Islam and the media is difficult to be separated. This is because all the information can be obtained easily and quickly through new media is growing rapidly. All the information can be conveyed in the media obtained through discussion of ideas and analysis issues that will be presented by the new owners of the media itself. For instance, when a development whether economic, social or even political specially publicized through Facebook that discuss political issues related to Islam, then facebook friends will give their views and opinions in relation to their status has been raised by the media owner.

Keywords: Facebook, Political Islam, Blogs, Websites

1.0 PENGENALAN

Kajian ini adalah berkisar di dalam konteks negara Malaysia sahaja. Malaysia bukanlah sebuah negara yang baru dalam mengamalkan politik Islam. Kewujudan politik Islam sudah lama digerakkan, tetapi sesetengah individu dan kelompok mengambil sikap sambil lewa terhadap pengamalan prinsip Islam di dalam politik Malaysia. Kemunculan atau kewujudan politik Islam ini telah bermula dari zaman kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka¹ lagi di mana undang-undang Islam telah digunakan dalam segala urusan pentadbiran kerajaan negeri (Hafizah Iszahanid 2012). Tetapi lama-kelamaan, prinsip Islam dalam politik dan undang-undang Islam ini seakan-akan diabaikan dan semakin tidak penting dan akhirnya tidak mendapat tempat yang sewajarnya dalam Perlembagaan Negara Malaysia² kerana kesan daripada peranan yang dimainkan oleh penjajah British khususnya telah mempengaruhi corak kehidupan masyarakat (Abdul Manaf Ahmad 2011).

Media baru merupakan satu fenomena terkini dalam jaringan komunikasi dan telekomunikasi dan juga teknologi siber. Sifatnya merentasi benua dan budaya dan memberi kesan kepada pemikiran dan gaya hidup pengguna. Para remaja masa kini sangat terpengaruh dengan media baru seolah-olah ia merupakan suatu rahmat yang turun untuk mencerahkan suasana. Pada hakikat sebenarnya media baru merujuk kepada kemajuan dan kegunaan alat. Dalam tradisi Islam teknologi selamanya alat bukannya matlamat. Oleh itu media baru tidak sahaja difahamkan sebagai bentuk atau alat yang sifatnya canggih tetapi menuntut perisian input dan program yang canggih juga. Canggih di sini merujuk kepada kandungan maklumat isi dan ilmu yang mampu mengangkat martabat diri remaja.

Jika dilihat dari aspek politik pula, ia adalah merupakan satu subjek yang penting dalam kehidupan manusia. Malah menurut sarjana Islam yang di antaranya ialah Al-Mawardi, Ibnu Taimiyah, Abu Yusof, dan Ibnu Khaldun pernah menyatakan bahawa politik itu adalah bertujuan untuk memperbaiki urusan manusia dengan cara memberikan petunjuk kepada mereka yakni manusia ke arah jalan yang lurus dan diredhai yang mampu menyelamatkan mereka di dunia dan akhirat.

Selain itu juga, di dalam penulisan ilmiah ini penulis juga ada menyatakan berkaitan dengan ilmu siyasah syariyyah atau juga boleh dikenali sebagai ilmu politik Islam. Pendedahan mengenai ilmu politik Islam seperti yang telah diterangkan di dalam bab sebelumnya memberikan pendedahan ilmu Islam dan politik kepada umat Islam mahupun masyarakat terutama generasi muda. Ini kerana, ia adalah merupakan satu keperluan asasi pada masa kini. Ilmu siyasah syariyyah ini merupakan perbincangan mengenai sistem urus tadbir atau tata kelola kenegaraan yang dipandu oleh pedoman syariah. Perbincangannya meliputi segenap aspek kehidupan kenegaraan dan ia dicerna dalam bentuk dasar, agenda dan program kerajaan untuk kesejahteraan rakyat.

1.1 Tinjauan Literatur

¹ Hafizah Iszahanid, 2012, hlm 24 – 26.

² Abdul Manaf Ahmad, 2011, hlm 13.

Barrie Axford And Richard Huggins (2001) di dalam bukunya yang bertajuk '*New Media And Politics*' menyatakan bahawa tema transformasi yang dianggap kemodenan politik yang disebabkan dari kesan media baru. Konsep yang telah beliau gunakan dalam buku ini ialah media baru dalam kemodenan politik. Beliau menyatakan bahawa dalam sesebuah kemodenan, pentadbiran politik adalah amat mempengaruhi segala urusan yang berlaku di dalam negara. Ini kerana pengaruh yang di bawa melalui media baru mampu mengubah pandangan dan pendapat masyarakat berkaitan dengan sesuatu parti politik. Selain itu juga, Barrie Axford And Richard Huggins telah mengamalkan pendekatan yang mempersoalkan cara bagaimana teknologi dan pasukan kebudayaan mampu mempengaruhi kesabaran kehidupan politik serta mencerminkan kepelbagaian perkara dalam menerapkan kemahiran berfikir secara normatif. Penyelidikan empirikal juga telah digunakan bagi melihat kepada perubahan watak politik dalam budaya hidup yang moden pada masa kini. Jadi daripada ulasan kepustakaan tersebut, jelas menunjukkan bahawa penulisan oleh Barrie Axford ini menunjukkan bahawa media baru sangat berperanan penting dalam penyebaran pengaruh kepada masyarakat. Kekurangan di dalam penulisan oleh Barrie Axford ini ialah, beliau tidak menyentuh hal-hal yang berkaitan dengan perkembangan politik Islam. Tetapi hanya menceritakan bahawa kemodenan berlaku disebabkan oleh kesan dari media baru itu sendiri. Sememangnya buku ini ada menekankan berkaitan dengan kesan media baru kepada politik, tetapi politik di sini bukanlah bermaksud politik Islam tetapi hanyalah politik semata-mata tanpa penglibatan aspek-aspek dalam keislaman.

Berbeza pandangan pula dengan penulis yang bernama Philip N. Howard. Menurut Philip N. Howard (2006) di dalam bukunya yang bertajuk '*New Media Campaigns And The Manage Citizen*', beliau beranggapan bahawa kempen-kempen politik adalah merupakan salah satu organisasi yang sangat penting dalam sistem demokrasi bagi sesebuah negara. Ini kerana isu atau calon khusus merupakan salah satu organisasi yang difahami kurangnya dalam kehidupan politik kontemporari. Buku yang ditulis oleh beliau ini adalah penilaian yang kritikal terhadap peranan teknologi maklumat dan kempen-kempen politik. Berdasarkan kepada data-data yang telah beliau kutip hasil daripada penyelidikannya iaitu dari aspek etnografi, data ukur dan analisis sosial, beliau meneliti terhadap perkembangan politik dan perubahan yang berlaku dalam kempen politik yang berlangsung selama lebih daripada lima pilihanraya terakhir iaitu bermula tahun 1996 hingga tahun 2004.

Di dalam penulisan Philip ini, beliau telah menggunakan konsep kempen dan politik di mana pemimpin-pemimpin politik perlu berkempen bagi menarik undi daripada masyarakat setempat. Sepanjang tempoh berkempen, ahli politik dan pengikut-pengikutnya telah menggunakan media baru sebagai salah aspek untuk mempengaruhi minda masyarakat. Para ahli politik ini telah membuat strategi seperti berkomunikasi melalui talian, membina pangkalan data yang kompleks, strategi dalam membina multimedia dan sebagainya. Selain itu juga, kempen politik yang kontemporari dijalankan dengan menggunakan teknologi digital yang meningkatkan liputan dan mengumpul dana serta pada masa yang sama menyesuaikan diri dengan gelagat organisasi. Jadi kesimpulannya, Philips telah mengaitkan antara kempen politik dengan penggunaan media digital dalam mengembangkan pengaruh seseorang ahli politik tetapi

beliau tidak mengaitkan penulisan beliau dengan politik Islam yang berlaku di kalangan masyarakat.

Penulis buku '*Akhbar Politik, Politik Akhbar*' iaitu Jeniri Amir (2007) pula menyatakan bahawa kedudukan dan peranan akhbar terutama apabila ditinjau dari aspek politik sama ada memberikan pengaruh terhadap pencapaian atau kejayaan kepada sesebuah parti politik ataupun sebaliknya. Beliau melihat sama ada akhbar itu menjadi lawan atau kawan terhadap sesebuah parti politik. Jeniri Amir menyatakan bahawa terdapat hubungan antara akhbar dengan politik dan politik dengan akhbar. Kedua-dua konsep yang telah dikemukakan oleh Jeniri Amir (2007) ini telah menunjukkan bahawa kedua-dua perkara tersebut saling berkait rapat antara satu sama lain dalam mempengaruhi minda masyarakat. Walaupun media semakin berkembang, tetapi peranan akhbar juga adalah semakin penting dalam masyarakat. Contohnya dalam akhbar yang telah diuraikan oleh Jeniri Amir (2007) yang menyatakan bahawa akhbar ini memberikan persepsi yang berbeza kepada pembaca melalui penyampaian yang telah disampaikan. Tetapi, beliau juga menegaskan bahawa media baru juga memberikan pengaruh yang cukup besar dalam kehidupan politik mahupun kehidupan masyarakat. Walaupun hal yang sedemikian, beliau tidak menyatakan di dalam penulisan beliau berkaitan dengan konsep keislaman itu sendiri di dalam politik. Maksud di sini ialah, penulisan yang telah dibuat sememangnya melihat dari segi politik tetapi bukannya politik Islam seperti yang hendak dikaji.

Seterusnya, kita lihat pula kepada penulisan yang dibuat oleh Thomas R. Dye dan Harmon Zeigler (1986) di dalam bukunya yang bertajuk '*American Politics in the Media Age*'. Dalam buku ini, beliau menceritakan berkaitan dengan Politik Amerika yang dikaitkan dengan media iaitu peranan media terhadap perkembangan politik di Amerika. Thomas dan Harmon juga membincangkan berkaitan dengan topik-topik yang dibincangkan oleh pihak media terhadap politik di Amerika iaitu dari aspek kejayaan dan kekalahan pemimpin-pemimpin politik, jumlah pengundi bagi sesebuah politik, cara berkempen yang sentiasa berubah-ubah, pencalonan pemimpin politik yang baru, dan sebagainya. Selain itu juga, kedua-dua penulis ini menyentuh juga berkaitan dengan prinsip dan struktur asas dalam proses kerajaan Amerika serta ilustrasi semasa dalam pemikiran memprovokasikan masalah yang di hadapi oleh demokrasi di Amerika.

Berbeza pula dengan buku yang ditulis oleh Syed Arabi Idid (1994) yang bertajuk '*Peranan media Massa Dalam Pilihanraya Umum*'. Syed Arabi Idid telah mengetengahkan isu yang berkaitan pendekatan penentuan agenda untuk meneliti perhubungan di antara media massa dengan pilihanraya umum. Pada kebiasaannya, masyarakat menganggap bahawa para pengundi akan dipengaruhi oleh apa sahaja berita yang dibawa oleh media massa tetapi tidak dapat pula menunjukkan bagaimana pengaruh tersebut dijalankan. Pandangan beliau agak berbeza apabila beliau tidak beranggapan bahawa media itu mampu mempengaruhi politik dan seterusnya mempengaruhi media massa. Tetapi beliau lebih merujuk kepada sikap dan fahaman awalan yang diterima oleh masyarakat terhadap politik itu sendiri contohnya bermula dari pandangan dan penerimaan nenek moyang mereka satu masa dahulu. Dalam penulisan ini juga, didapati bahawa tiada unsur-unsur yang dikaitkan dengan politik Islam tetapi lebih kepada pilihanraya walaupun unsur media ada diketengahkan semasa penulisan beliau. Walaupun unsur media telah dikemukakan oleh beliau, tetapi beliau

tidak menganggap media mampu mempengaruhi masyarakat tetapi sebaliknya ia hanya dipengaruhi oleh pandangan dari nenek moyang mereka.

Buku yang keenam ialah buku yang bertajuk '*Pemikiran Politik Islam: Dari Masa Nabi Hingga Masa Kini*'. Buku ini ditulis oleh Antony Black (2006) yang diterbitkan oleh Serambi Ilmu Semesta. Menurut Anthony Black, beliau menyatakan bahawa pemikiran politik Islam telah dilandasi oleh praktik politik dari pelbagai kelompok yang tidak mudah dipengaruhi tanpa sebarang ilmu pengetahuan yang berlandaskan keislaman tetapi cukup sekadar hanya mengetahui sejarah pemikiran politik sejak bermulanya kemunculan Islam pada awalnya dan sehingga ke zaman moden. Kebanyakan buku sejarah hanya mengulas isu-isu yang berkaitan dengan perkembangan kekuasaan politik dari masa ke masa tanpa menoleh kepada pemikiran politik yang mendasarinya. Tetapi di dalam buku ini telah menunjukkan gambaran yang lengkap berkaitan dengan sejarah pemikiran politik Islam sejak tahun 622 - 661 Masihi sehingga zaman fundamentalisme³ iaitu pada tahun 1922 hingga tahun 2000. Malah, ia juga telah meliputi beberapa perkara penting seperti hubungan antara agama dan kekuasaan, politik Syiah dan Sufi, fenomena filsafat Arab Romawi dan juga pengaruh pemikiran politik Barat terhadap pemikiran politik Islam moden.

Seterusnya ialah buku yang bertajuk '*Introduction to Communication Technologies: A Guide for Non Engineers*' oleh Jones, S. Kovac, R. dan Groom F.M(2009). Di dalam buku ini telah membincangkan berkaitan dengan komunikasi manusia yang memerlukan media sebagai perantaranya supaya segala informasi dapat disampaikan kepada penerimanya dengan jelas. Oleh sebab berlakunya perkembangan teknologi, maka berlakulah perubahan dalam menyampaikan atau mengakses sesuatu informasi iaitu bermula dengan media cetak, kemudian timbul pula media elektronik seperti '*audio visual*' dan terkini wujud pula media baru seperti '*online*' dengan internet. Konsep yang telah digunakan oleh penulis ialah media baru. Media baru lebih dikenali dengan media '*online*' iaitu menggunakan internet dalam menyiarkan segala bentuk maklumat dan informasinya. Penggunaan media online ini dianggap lebih efektif dalam konteks komunikasi berbanding dengan media cetak mahupun elektronik. Dengan wujudnya perkembangan teknologi media baru ini, siaran radio dan televisyen sudah dapat digunakan tanpa batasan dan tanpa perlu kepada permit Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Bagi tinjauan perpustakaan yang seterusnya iaitu kesembilan pula adalah melalui jurnal dan artikel yang diperoleh sekitar tahun 2002 hingga 2012. Jurnal yang pertama ialah jurnal pengajian media Malaysia yang bertajuk '*Kuasa Media Baru Menggempur Perubahan Bentuk Dan Kandungan Ekoposial Di Asia Tenggara*'. Jurnal ini telah ditulis oleh Abu Hassan Hasbullah (2003) volume 10, issue 1. Beliau telah menyatakan bahawa internet telah menjadi semacam 'agama baru' bagi abad ke 21 dan buat abad-abad masa depan yakni mengambil alih kepercayaan yang sama yang pernah diberikan pada televisyen iaitu ketika mesin 'GE Octagon' dicipta pada tahun 1928 dan di sepanjang abad 20. Pada ketika ini, kehidupan budaya manusia telah dibentuk dan

³Menurut Muhammad Imarah (2001) di dalam bukunya yang bertajuk '*Pencerahan Islam*', beliau mendefinisikan fundamentalisme sebagai satu kepercayaan dan berpegang teguh kepada satu prinsip asas. Golongan ini percaya bahawa perjuangan yang mereka lakukan adalah suci dan penting. Mereka beranggapan bahawa corak kehidupan yang mereka lalui adalah ke arah kebenaran.

terbentuk hasil daripada pengaruh-pengaruh yang disiarkan melalui skrin kaca. Selain itu juga, media baru juga telah mencatur susun pola-pola kepercayaan dan melaksanakan transformasi struktural terhadap sistem kehidupan manusia di samping media baru telah mengambil alih dan menukar nilai kepercayaan terhadap media tradisi seperti akhbar dan televisyen.

Seterusnya jurnal yang berkaitan dengan prosiding politik Malaysia yang bertajuk '*Media Alternatif Sebagai Agen Perluasan Ruang Bersuara Kajian Kes Pilihan Raya Umum Ke-12*'. Jurnal ini telah ditulis oleh Nur Azween Zakarian dan Nidzam Sulaiman (2004), volume 8, no 1. Kedua-dua penulis ini melihat penggunaan ruang siber telah digunakan melalui peranan media alternatif seperti blog, laman web, e-mel dan khidmat pesanan ringkas (SMS). Ini adalah bertujuan supaya para pemimpin ahli politik dapat memperluaskan pengaruhnya dan ruang bersuara sekali gus dapat meningkatkan partisipasi mereka. Dalam penulisan ini, penulis telah mengaplikasikan teori '*Radical Media*' kerana ia menjadi landasan utama dalam penulisan dengan melihat sejauhmana media alternatif ini berperanan sebagai '*counter-hegemony*' terhadap '*state*' atau penguasa. Teori ini telah digunakan dalam penulisan jurnal ini apabila mendapati peningkatan demokrasi digital di Malaysia dengan melihat peranan media alternatif yang semakin meluas dan signifikan yang ketara dalam pilihanraya umum 2008. Malah dalam konteks negara Malaysia, penggunaan media ini masih dianggap baru dan ia telah muncul sekitar akhir tahun 1990-an.

Di dalam kajian ini, mereka telah menggunakan kaedah survey terhadap 2,500 responden di Malaysia. Dalam dapatan penulis, hasil menunjukkan bahawa media alternatif mempunyai nilai yang signifikan terhadap perubahan pengundian masyarakat Malaysia. Oleh yang demikian, politik baru di Malaysia lebih banyak mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan sebagainya banyak ditulis di blog-blog, website dan sebagainya. Malah, rakyat tidak lagi terpengaruh dengan politik lama seperti isu etnik, agama, daerah dan bahasa tetapi rakyat lebih mengutamakan isu-isu yang tertumpu kepada sesebuah kelompok dalam parti politik. Perubahan trend yang berlaku ini memberikan petunjuk bahawa media alternatif memberikan pengaruh yang cukup besar dalam mempengaruhi minda rakyat malah menjadi medium penting dalam menyampaikan isu politik baru seterusnya memberikan kesan terhadap pola pengundian di Malaysia.

Jurnal kesebelas pula ialah '*Media Dan Generasi Muda*' Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication Jilid 26(2): 1-15 ditulis oleh Samsudin A. Rahim (2008). Beliau telah menghuraikan beberapa perkara yang berkaitan dengan perkembangan dan peranan media di dalam pembangunan sesebuah negara. Konsep yang beliau gunakan ialah industri media di mana bagi pandangan beliau, industri media telah dibangunkan bagi membantu kerajaan supaya memudahkan rakyat dalam mendapatkan segala maklumat pembangunan di Malaysia. Dalam era globalisasi ini, evolusi industri ini peranannya telah berubah kerana nilai-nilai komersialisme⁴. Selain itu juga menurut penulis buku ini, media telah dijadikan sebagai ruang untuk

⁴ McDonald and Ruiter (2005) komersialisasi adalah bermaksud satu proses di antaramekanisme pasar dan pasaran yang diperkenalkan dengan mengambil kira keputusan operasi dari perkhidmatan awam, misalnya keuntungan maksimum, pemuliharaan, dan lain-lain.

menonjolkan kebudayaan popular masing-masing khususnya berlaku di kalangan remaja atau generasi muda. Malah, melalui media juga, ia menjadi satu saluran untuk pelbagai rangkaian media yang menjadi perantaraan di antara budaya tempatan dengan budaya luar. Bagi remaja yang meningkat usia, mereka menjadikan media ini sebagai salah satu tempat rujukan untuk menimba ilmu dan seterusnya mempengaruhi corak kehidupan dan gaya hidup mereka. Identiti budaya generasi akan datang dapat digambarkan dengan nilai dan gaya hidup mereka pada masa kini.

Seterusnya artikel yang kedua belas ialah '*Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah Dalam Perkembangan Pemikiran Agama Dan Politik Masyarakat Melayu*' yang ditulis oleh Ahmad Zaki Hj Abd.Latiff (2003). Penulis telah mengetengahkan isu yang berkaitan dengan Gerakan Islam Timur Tengah yang memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pemikiran politik dan agama masyarakat Melayu. Menurut Ahmad Zaki, Abim dan PAS adalah merupakan dua organisasi Islam yang dianggap bergiat secara aktif dalam mempengaruhi sikap pemikiran agama dan politik masyarakat Melayu. Ini kerana Abim telah menggunakan dakwah manakala PAS pula menggunakan pendekatan politik. Terdapat dua pendekatan yang digunakan dalam usaha mencapai matlamat menegakkan *ad-dm wa addawlah* iaitu moderat⁵ dan radikal. Maka, jelas ia menunjukkan bahawa, segala perbincangan sememangnya ada mengemukakan berkaitan dengan isu politik dan media baru, tetapi agak kurang menceritakan berkaitan dengan politik Islam dalam media baru. Jadi, disebabkan hal itu, maka penulis berminat untuk mengkaji lebih mendalam terhadap perkembangan politik Islam dalam media baru di Malaysia.

1.2 Metodologi Kajian

Bahagian ini akan menghuraikan keseluruhan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Penghuraian adalah meliputi aspek reka bentuk kajian, populasi kajian, persampelan kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data dan tatacara penganalisan data.

1.2.1 Reka Bentuk Kajian

Cohen & Marrison (2000) menyatakan bahawa reka bentuk kajian merupakan tatacara yang sistematik yang mengaitkan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang terlibat dalam sesuatu kajian untuk mengutip data bagi menjawab persoalan kajian yang dibina oleh pengkaji. Kajian ini dijalankan secara kajian kes tunggal terhadap satu populasi kajian sahaja yang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Pemilihan kaedah gabungan adalah bertujuan untuk memudahkan pengkaji menjalankan strategi pengumpulan data terutamanya bagi mendapatkan gambaran yang lebih lengkap dengan apa yang hendak dikaji serta memudahkan pengkaji menyemak semula maklumat yang diperolehi dan juga untuk mengelakkan kesan Hawthorne yang memungkinan sampel kajian sengaja melakukan sesuatu tingkah laku.

⁵Khurshid Ahmad (1979) gerakan dakwah telah memperkenalkan pendekatan moderat yang mengambil pendekatan dakwah dan tarbiah pada tahun 1970-an. Iaitu melalui pendekatan usrah, syura, penghayatan al-ma'thurat dan sebagainya.

1.2.2 Populasi Kajian

Populasi dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelbagai masyarakat dan pelbagai kaum dari penduduk dewasa di Malaysia dan sampel yang dipilih adalah secara rawak mudah. Soal selidik yang diedarkan adalah sebanyak 1000 edaran dan yang berjaya diperoleh semula adalah sebanyak 627 responden.

1.2.3 Sampel Kajian

Sample kajian adalah unsur bagi sekumpulan kecil yang diambil dari satu rangka pensampelan yang dikatakan mewakili sesuatu populasi (Kerlinger 1986). Sampel bagi kajian ini adalah seramai 627 orang yang terdiri daripada 344 lelaki dan 283 orang perempuan yang diambil dari pelbagai peringkat umur, agama, bangsa dan tempat tinggal. Pemilihan sampel secara rawak mudah ini dianggap sesuai dengan keadaan politik pada masa kini. Bagi pemilihan sampel, pengkaji telah membahagikan kepada empat kategori kumpulan umur iaitu 18 tahun ke bawah, 19 hingga 25 tahun, 26 hingga 30 tahun dan 30 tahun ke atas bagi memudahkan penilaian kajian dapat dilakukan. Selain itu juga sampel kajian di peroleh berdasarkan tempat tinggal iaitu antara bandar dan luar bandar.

1.2.4 Instrumen Kajian

Data dalam kajian ini telah dikumpul dengan menggabungkan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan soal selidik sebagai instrumen kajian iaitu berbentuk kuantitatif, dan analisis yang dijalankan adalah dengan menggunakan kaedah deskriptif iaitu hanya mengukur peratusan dan kekerapan sahaja. Pada awal pengedaran soal selidik, sebanyak 1000 responden diberikan soal selidik ini. Mereka diberi masa selama tiga hari untuk menjawabnya. Terdapat juga yang memulangkan semula soal selidik tersebut pada waktu yang sama dengan hanya mengambil masa lebih kurang 10 minit untuk menjawabnya. Tetapi terdapat juga responden yang memulangkan semula soal selidik tersebut lebih daripada tiga hari. Penulis berjaya mengumpulkan semula soal selidik yang diedarkan sebanyak 1000 set yang diedarkan secara rawak dalam tempoh empat minggu dan berjaya diterima semula sebanyak 627 set soal selidik. Soal selidik tersebut mempunyai enam bahagian dan secara purata soal selidik ini mempunyai 47 soalan berkaitan dengan perkembangan politik Islam dalam media baru. Dapatan akhir soal selidik yang penulis peroleh di tangan adalah sebanyak 643 responden, tetapi hanya 627 soal selidik sahaja yang boleh diguna pakai dan sebanyak 16 soal selidik adalah 'rosak' serta selebihnya sebanyak 357 soal selidik tidak dikembalikan oleh responden. Jadi soal selidik yang digunakan dalam penulisan dan perbincangan ini adalah sebanyak 627 sahaja. Selain daripada itu, kajian ini juga menggunakan kaedah analisis dokumen bagi mendapatkan maklumat tambahan berkaitan dengan perkara yang dikaji dalam kajian ini. Antaranya ialah menggunakan analisis kandungan melalui internet dan juga kajian perpustakaan iaitu dengan merujuk kepada bahan-bahan daripada Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) UKM, perpustakaan Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Perpustakaan

Teluk Intan Perak, Arkib Negara Malaysia di Petaling Jaya Selangor dan juga Perpustakaan Daerah Hulu Langat (PDHL) Bandar Baru Bangi. Antara bahan-bahan yang dirujuk adalah seperti buku-buku akademik, buku-buku ilmiah, jurnal-jurnal, kertas kerja, dokumen, dan surat khabar. Kajian ini juga menggunakan kaedah analisis kandungan iaitu melihat kepada laman web politik, blog-blog politik, dan seumpama dengannya sebagai landasan kepada penulis untuk melihat sejauhmana perkembangan politik Islam ini dikembangkan melalui media baru serta memantapkan lagi penulisan karya ini.

1.7 Cadangan-cadangan

Antara cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh penulis yang pertama ialah, pembangunan politik Islam di negara ini hendaklah digerakkan secara pesat agar pertumbuhannya seiring dengan perkembangan bidang lain seperti kewangan Islam dan pendidikan Islam. Dalam dua sektor ini, kita dapati ia sudah berkembang dengan amat meriah sekali seperti tergambar dalam pelbagai institusi yang mendukungnya yang kini menjadi contoh dan ikutan di negara lain. Sekiranya ilmu politik Islam dapat dibangunkan secara seiring dengan dua bidang ini, kita yakin kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh akan lebih sempurna dan dihormati.

Kedua, menjadikan ilmu politik Islam berperanan sebagai satu bentuk tenaga pendorong yang berkesan dalam membentuk masyarakat Malaysia yang matang dan proaktif menyumbang di dalam agenda pembangunan dan kemajuan negara. Aspek penting dalam ilmu politik Islam meliputi penjelasan mengenai falsafahnya yang murni, hak dan kewajiban mereka dalam sesebuah negara serta adab dan etika berpolitik yang seharusnya dihayati, akan menjadi petunjuk yang jelas dan utuh kepada masyarakat ketika mereka membabitkan diri dalam bidang kenegaraan. Ilmu politik Islam akan menjadikan masyarakat berpandangan positif terhadap kegiatan dan urusan politik serta terhadap pelakunya yang pelbagai. Ia juga akan memupuk sikap kepekaan dan pertanggungjawaban yang tinggi dalam segenap warga rakyat terhadap segala perancangan kepemimpinan. Kesedaran dan tanggungjawab yang tinggi terhadap politik oleh rakyat terbanyak ini pasti akan memberi kesan langsung terhadap kepesatan perkembangan sistem dan institusi politik dalam negara.

Secara kesimpulannya, semua golongan masyarakat terutamanya para remaja Islam harus memiliki pedoman dan panduan yang membolehkan upaya memilih dan mengetahui baik buruk akan sesuatu difahami dengan betul. Media baru ini memiliki ciri upaya mempengaruhi yang tinggi. Ia boleh memberi kesan kepada akal dan pemikiran serta menyebabkan pola berfikir berada dalam pola Barat. Ia juga boleh menyebabkan gelagat masyarakat terutama remaja menjadi tidak terkawal kerana pengaruh media baru boleh menghasilkan watak yang sedemikian. Justeru para remaja harus memiliki ketangkasan minda hasil daripada kekuatan kefahaman yang dimiliki yang membolehkan para remaja melakukan perbezaan antara yang buruk dan baik dan antara yang makruf dan yang mungkar. Oleh itu masyarakat dan umat Islam seharusnya kukuh dengan asas-asas pembelajaran ilmu Islam supaya keupayaan membanding membeza dan menyamakan faktor-faktor di luar tradisi sendiri dapat berjalan dengan baik. Mencari yang baik dan bermanfaat adalah suatu tradisi Islam yang baik. Islam

menganjurkan umatnya supaya mencari ilmu yang berfaedah agar manfaatnya dapat disebarkan ke serata alam.

Sungguhpun pergaulan dan jaringan komunikasi yang terhasil daripada penggunaan media baru adalah lebih luas dan melangkaui sempadan agama, negara dan budaya, syariat dan etika Islam hendaklah sentiasa dipatuhi oleh umat Islam agar ia menjadi sesuatu yang bermanfaat dan berpedoman. Inilah cabaran terbesar umat Islam terutamanya remaja pada hari ini. Remaja yang tidak memiliki asas ilmu dan faham agama yang kuat boleh menyebabkan mereka terjebak dalam simpang siur pengaruh Barat yang sangat meluas. Para remaja Islam tidak ditegah untuk memanfaatkan sesuatu yang baik daripada tradisi tamadun berbanding tetapi dalam masa yang sama secara jangka panjang harus mampu meneroka bidang-bidang ilmu yang berkaitan dan mampu menawarkan acuan baru dalam tradisi keilmuan Islam yang teguh dan kukuh.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberikan kepentingan yang banyak kepada kita serta seluruh masyarakat. Melalui kajian yang dijalankan ini, jelas menunjukkan bahawa politik Islam yang berlaku di persekitaran kita dalam negara mahupun luar negara banyak dipengaruhi oleh media-media baru yang mampu mempengaruhi pemikiran masyarakat dunia. Apabila pengendalian yang salah dilakukan, maka buruklah kesannya kepada masyarakat dan negara dan apabila pengendalian dilakukan dengan betul maka baiklah kesannya. Sebagai contoh, ia dapat dilihat dalam laman-laman web atau blog-blog yang sering memperkatakan kelemahan dan kekurangan antara satu sama lain yang berbeza dari pandangan dan politik mereka. Pandangan yang berbeza inilah yang memberikan masyarakat pandangan dan tanggapan yang berbeza antara satu sama lain. Akhir sekali, kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji pada masa akan datang. Selain daripada menambah ilmu pengetahuan dalam bidang politik Islam dan media baru yang semakin berkembang ini.

1.9 Kesimpulan

Jadi secara keseluruhannya, didapati bahawa internet atau media baru merupakan satu saluran yang membolehkan para ahli politik serta pengikutnya mampu menyalurkan pelbagai jenis maklumat politik dan isu-isu yang hangat diperkatakan selagi ianya tiada sekatan terhadap penyaluran itu termasuk maklumat yang boleh disifatkan sebagai 'mengancam keselamatan negara'. Maklumat yang dikira sebagai membahayakan sesebuah rejim negara itu boleh dikenakan penapisan sama ada bertujuan untuk mengekalkan kuasa politik yang sedang memerintah atau sememangnya bertujuan menjauhi bahaya yang akan menjejaskan keharmonian rakyat negara berkenaan.

RUJUKAN

Abdul Hadi Awang. 2009. *Fahaman dan Ideologi Umat Islam*, Gombak: Penerbit PTS.
Abdul Manaf Ahmad. 2011. *Sejarah Perlembagaan Malaysia*. Grup buku Karang kraf.

- Abu Hassan Hasbullah. 1998. Pengukuhan ilmu retorik dalam pengajian media era siberisme. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. Jilid 1, No 1.
- Abu Hassan Hasbullah. 2003. Kuasa media baru menggempur perubahan bentuk serta kandungan ekoposial di Asia Tenggara. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. Jilid 1(1).
- Adamic, L. & Glance, N. 2005. *The political blogosphere and the 2004 U.S election : Divided they blog*. <http://www.blogpulse.com/papers/2005/AdamicGlanceBlogwww.html> [30 November 2012].
- Ahmad Atory Hussain. 1998. *Reformasi Pentadbiran Awam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Atory Hussain. 2010. *Yb Oh Yb : Antara Peranan Dan Tanggungjawab*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Ahmad Ibrahim. 1986. Ke arah penyerapan Undang-undang Islam dalam Perundangan Malaysia. Dalam Mahayuddin Haji Yahaya (pnyt). *Islam Dan Pembangunan Negara*, hlm.158-163. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Lutfi Othman. 2011. *Catatan Hujung*. Zafar Sdn Bhd.
- Ahmad Mokhtar Hj. Mohamad. 1988. *Kuasa Rakyat: Daripada Rakyat Untuk Rakyat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Dinamik.
- Ahmad Shabery Cheek (pnys.). 1989. *Cabaran Tahun Lapan Puluhan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Amir & Mafri. 1999. *Etika Komunikasi Massa dalam Pandangan Islam*. Jakarta: Logos.
- Antoinette Pole. 2010. *Blogging The Political: Politics and Participation in a Networked Society*. Routledge: New York.
- Antony Black. 2006. *Pemikiran Politik Islam: Dari Masa Nabi Hingga Masa Kini*. Serambi.
- Arifin & Anwar. 1995. *Ilmu Komunikasi: Sebuah Pengantar Ringkas*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Asep Sobari. 2010. *Bila YB Berbicara Parlimen Islam*. Syabas: Global.
- Azlan Khalili Bin Shamsudin. 1994. *Islam dan Tentangan Budaya Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Badlisham Mohd & Nasir, Dr. 2003. *Da'wah And The Malaysian Islamic Movements*. Semenyih: Synergymate Sdn. Bhd.
- Barrie Axford & Richard Huggins. 2001. *New Media and Politics*. Sage Publications: London.
- Charness, Neil dan Patricia Holley. 2004. The new media and older adults: Usable and useful? *The American Behavioral Scientist*. Vol 48, Issue 4. Disember.
- Cohen, L. & Morrison 2000; Wiersma 2000; Yin 1994. *Research Methods in Education*. London: Routledge Falmer.
- Cook & Timothy, E. 1998. *Governing with the News: the News Media as a Political Institution*. Chicago: Chicago University Press.
- Davis. 2005. *Politics Online*. Routledge: New York.
- Firdaus Syam. 2007. *Pemikiran Politik Barat Sejarah, Filsafat, Ideologi, dan Pengaruhnya Terhadap Dunia Ke-3*. Jakarta: PT Bumi Aksara.
- Fisher, B. & Aubrey. 1986. *Teori-Teori Komunikasi*. Bandung: Remaja Rosda Karya.

- Ghazali Darusalam. 1998. *Dakwah Islam dan Ideologi Barat*, Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distribution.
- Ghazali Mayudin & Mazni Buyong. 2006. "Pemahaman tentang hukum hudud di Terengganu dan Selangor" dalam Sity Daud & Zarina Othman (eds.). *Politik dan keselamatan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali, Mohd Rumaizuddin. 2012. *Yusuf al Qaradhawi dan Pengaruhnya Dalam Masyarakat Islam di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Graf, J. 2006. *The audience for political blogs : new research on blog readership*. <http://www.ipdi.org/uploadedfiles/blodgeadership.html> [2 Oktober 2012].
- Howard, Philip N. 2006. *New Media Campaigns and the Managed Citizen*. New York, NY: Cambridge University Press.
- Jais Abdul Karim. 2010. *Perjuangan Ngo Pendidikan Di Malaysia : Pemikiran Hassan Al-Banna Dalam Melakar Agenda Bangsa*. Universiti Tenaga Nasional, Kampus Putrajaya.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Kelapan. 1991. Edisi baru. Kuala lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kaplan, A. & Haenlein, M. 2009. *Users of the world, unite! The challenges and opportunities of Social Media*. Kelley School of Business, Indiana University.
- Kassim Ahmad. 2000. *Kontroversi Hukum Hudud*. Pulau Pinang: Forum Iqra.
- Khurshid Ahmad. 1979. *Islam and the West*. Lahore : Islamic Publication Ltd.
- Koop, R. 2006. *Canadian political blogs: online soapboxes or forums for democratic dialogue*. <http://www.cpsa-acsp.ca/papers/Koop-Jansen.html> [19 Mac 2013].
- Kamarulnizam Abdullah. 2003. *The Politics Of Islam In The Contemporary Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Malaysiakini. 2012. <http://www.malaysiakini.com.html> [11 Februari 2013].
- Malike Ibrahim. 2002. *Dasar Awam Di Malaysia: Respons Kepada Isu-Isu Semasa*. Universiti Utara Malaysia.
- McQuail, Dennis. 1987. *Communication Theory: An Introduction*. London: Sage.
- Muhammad Imarah. 2001. *Pencerahan Islam*. Cambridge University.
- Pharr, Ellis, S. & Krauss (eds.). 1996. *Media and politics in Japan*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Razali Nawawi. 1983. *Hukum Islam Dipertikai*. Kuala Lumpur : ABIM.
- Social Bakers. 2012. Facebook user statistics. Diakses pada 25 Disember 2012 di <http://www.socialbakers.com>.
- Stoneman, P. 2007. *The internet and political participation : lessons from time use*. Chimera working paper number : 2005, 02. <http://www.essex.ac.uk/chimera.html>. [19 Mac 2013].
- Syed Arabi Idid. 2005. *Penentuan Agenda: Peranan Media Massa Dalam Pilihanraya Umum*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Thomas R. Dye & Harmon Zeigler. 1986. *American Politics in the Media Age*. Monterey: Calif.

- Wallsten, K. 2005. *Political blogs and the bloggers who blog them: is the political blogosphere and echo chamber?* http://www.allacademic.com/meta/p41556_index.html. [14 Januari 2013].
- Zaller, John. 1999. *A Theory of Media Politics: How the Interests of Politicians, Journalists and Citizens Shape the News*. University of Chicago Press
- Zamroni M.A., 2001. *Pendidikan Untuk Demokrasi: Tantangan Menuju Civik Society*. Yogyakarta: BIGRAF Publishing. Hlm. 30-31.

____0000____